

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 7

## Kerjasama negeri perlu untuk laksana projek

Dewan Negara lulus Kajian Separuh Penggal RMK-12

# Kerjasama negeri perlu untuk laksana projek

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**  
aiman.asrol@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerjasama antara kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri diperlukan bagi memastikan segala perancangan yang dibuat demi kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, tanpa sokongan daripada pihak kerajaan negeri terutama pembangkang, perancangan akan terganggu dan rakyat akan terkesan.

"Pandangan saya begitu mudah, jika negeri pembangkang sekarang ini terus mengambil pendekatan yang kadang-kadang tidak seiring dengan rancangan Kerajaan Persekutuan, ia sangat merugikan wang rakyat.

"(Ini) kerana Kerajaan Persekutuan telahpun memperuntukkan perbelanjaan yang paling besar kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran pembangkang. Jadi wang itu sudah ada, projek sudah ada maka wajarlah ia diselaraskan supaya hasil dan impak ekonomi mak-



**PERDANA Menteri bersama Rafizi Ramli menunjukkan buku Kajian Separuh Penggal RMK-12 yang dibentangkan pada 11 September lalu.**

simum dapat dicapai," katanya ketika memberi ucapan penggulungan sidang Dewan Negara, semalam.

Rafizi berharap perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan kesejahteraan rakyat diketepikan supaya rakyat menerima manfaat.

Tambahnya, beliau berharap polemik berkaitan peruntukan dapat dihentikan supaya setiap pihak kekal dengan bidang kuasa masing-masing.

"Setiap negeri boleh bersaing (antara) masing-masing dan mentadbir dengan terbaik. Saya boleh bagi jaminan bahawa kita

akan kekal dengan dasar yang kita buat ini.

"Kita nak pastikan setiap satu ringgit (RM) yang dibelanjakan di negeri-negeri diberi tumpuan, hasilnya itu berbaloi kerana RM1 itu diambil daripada negeri-negeri yang lain," katanya.

Selain daripada empat negeri di bawah PN yang diberi keutamaan, Sarawak dan Sabah juga diberi keutamaan dalam peruntukan pembangunan.

Sementara itu, Dewan Negara meluluskan usul Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) melalui undian suara.

Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar mengumumkan perkara tersebut selepas majoriti Ahli Dewan bersetuju dengan KSP RMK12.

"Terima kasih kepada 44 Ahli Dewan Negara yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan memberi maklum balas kepada 26 kementerian yang juga selesai menjawab serta membuat penggulungan," katanya.